

# Keluarga tidak bahagia punca keruntuhan akhlak

UM 2 1 JUN 2002

**K**UALA LUMPUR 20 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memperkenalkan teori mengenai keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat Melayu yang dikatakan berpunca daripada keadaan keluarga yang tidak bahagia atau *broken family*.

Menurut Perdana Menteri, *broken family* menyebabkan budaya dan pegangan kepada nilai hidup yang mulia di kalangan orang Melayu semakin luntur dan memberi kesan kepada anak-anak.

Katanya, apabila ibu bapa tidak mempunyai budaya dan nilai hidup yang baik, sudah tentu mereka tidak dapat mendidik anak dengan nilai hidup yang sempurna.

Beliau menegaskan, ramai ibu bapa Melayu sekarang tidak memiliki nilai hidup yang baik dan tidak merasa bertanggungjawab terhadap didikan anak mereka berbanding kaum lain.

"Sementara ibu bapa kaum lain mengawal dan mengawasi anak supaya mereka tekun belajar di rumah dan di sekolah, ibu bapa kaum Melayu tidak begitu mengambil berat," ujarnya semasa membentangkan Ucapan Dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Menurut Dr. Mahathir lagi, *broken family* ekoran perceraian ibu bapa juga lebih ramai di kalangan orang Melayu yang menyebabkan nasib isteri-isteri yang dicerai dan anak mereka terabai.

"Keluarga seperti ini tentunya tidak memberi teladan dan contoh yang baik bagi anak, tidak dapat mendidik anak dengan berkesan," ujarnya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, tidak ada kajian yang dibuat berkenaan keluarga yang *broken* seperti ini dan kesannya terhadap anak mereka.

"Oleh itu saya tidak tahu

## Laporan :

Aziz Ishak, Zaini Hassan, Othman Mohamad, Mohd. Nor Ab Samad, Marzuki Yusoff, Lokman Othman, Mohd. Kamil Yusoff, Zulkifli Bakar, Razak Din, Wan Zulkifli Wan Yaakob, Samsor Junet, Zulkifli Jalil, Ismail Daud, Marhaini Kamaruddin, Yusri Sahat, Asuki Abas, Nizam Hamid, Rosni Hassan, Siti Mariam Md. Zin, Maznah Arshad, Akmar Hisham Mokhles, Fauzi Jaafar, Hilmi Mohd. Foad, Hamden Ramli, Nizam Yatim, Laupa Junus, Hairulazim Mahmud, Amree Ahmad, Sahbulah Mohamad Darwi, Rohani Ibrahim.

## Jurugambar:

Hayat Sueet, Hanafi Khamis, Azli Ahad, Raja Jaafar Ali, Rahman Salleh, Halim Khalid, Aswad Yahya, Ghazali Basri, Saiful Nizam, Zaki Amiruddin, Sazali Che Din, Zaini Hussin, Azman Ghani.

pandangan saya, atau teori saya ini betul atau tidak. Tetapi yang saya tahu bagi mana-mana kaum atau pengikut agama lain, *broken homes* biasanya mempunyai kesan yang buruk kepada anak.

"Mungkinah *broken homes* menjadi satu daripada sebab keruntuhan akhlak yang menjadi-jadi dalam masyarakat Melayu. Jika ya, apakah kita akan biarkan keadaan ini berterusan?" tanya beliau.

Menurut Dr. Mahathir, selain ibu bapa, guru-guru juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap anak-anak kerana mereka boleh membentuk peribadi yang mulia melalui teladan dan didikan.

Katanya, guru agama pula memainkan peranan yang amat penting kerana didikan agamalah yang akan menyedarkan anak-anak tentang baik buruknya sesuatu perkara itu.

Sebab itulah katanya, kerajaan memberi tekanan yang lebih kepada bidang pendidikan dengan memperuntukkan 20 peratus daripada belanjawan negara.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada jumlah anak Melayu yang tidak berketelakuan baik, malas belajar dan terlibat dengan kegiatan negatif adalah lebih banyak berbanding kaum lain.

"Kenapakah ini berlaku?

Apakah tekanan yang diberikan semasa mendidik anak Melayu? Apakah tekanan yang cukup diberi kepada pembentukan peribadi yang mulia, kepada perbezaan antara kebaikan dan keburukan, apa yang ditegah oleh agama dan adat resam?" tanya Dr. Mahathir.

Beliau menyifatkan mereka yang mengabaikan tugas pendidikan ini, sebaliknya mengajar supaya memusuhi sesama Melayu dan Islam serta tidak menyemai nilai Islam sebenar sebagai mengkhianati agama dan bangsa Melayu.

Dr. Mahathir yakin jika ibu bapa menunjuk teladan yang baik dan pendidik menjalankan tanggungjawab secara ikhlas, banyak gejala sosial di kalangan orang Melayu dapat dielakkan.